



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 27 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	'KENAIKAN AYAM SECARA UMUM BUKAN DISEBABKAN KARTEL', UM -ONLINE 'JANGAN AMBIL KESEMPATAN KESUSAHAN ORANG RAMAI', UM -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	SELANGOR WIDENS RABIES SURVEILLANCE, NEWS, THE SUN -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	GOVT TO IMPOSE STRICT CONTROL ON CHICKEN PRICES, SIN CHEW DAILY -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	IMPORTANCE OF HAVING CONTROL OVER SEEDS, VIEWS, THE STAR -14 327 NELAYAN SYUKUR TERIMA INSENTIF SARA HIDUP RM250, LOKAL, HM -12 BARANG KEPERLUAN CUKUP KETIKA AIDILFITRI, HM -ONLINE BARANGAN ASAS DIJAMIN MENCUKUPI, NASIONAL, BH -9 WUJUDKAN LEMBAGA UNGGAS, DALAM NEGERI, UM -1 & 4 TUBUH LEMBAGA KAWAL INDUSTRI AYAM, DALAM NEGERI, UM -2 SIASAT DAKWAAN CAMPUR TANGAN POLITIK, NASIONAL, SH -14 PENTERNAK JAMIN BEKALAN AYAM MASIH MENCUKUPI MENJELANG AIDILFITRI, NASIONAL, SH -14 PENIAGA MERUNGUT BEKALAN AYAM DICATU, NASIONAL, SH -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

'Kenaikan ayam secara umum bukan disebabkan kartel'



NIK Muhammad Zawawi Salleh pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Program My Best Buy Aidilfitri 2022 di Wisma Tani, Putrajaya. - FOTO/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil maklum isu membabitkan dominasi [kartel](#) terhadap industri penternakan [ayam](#) di seluruh negara, sepertimana didedahkan *Utusan Malaysia*. Timbalan Menteri

Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, pihaknya mengambil cakna dengan isu tersebut.

"Kita di MAFI akan ambil cakna dengan perkara ini," katanya ringkas kepada pemberita selepas merasmikan Program My Best Buy Aidilfitri 2022 di sini hari ini.

Muka depan *Utusan Malaysia* hari ini melaporkan, campur tangan politik sejak sekian lama dalam isu membabitkan dominasi kartel terhadap industri penternakan ayam di seluruh negara menyebabkan pihak terbabit terus bermaharajalela.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi bagaimanapun menegaskan, kenaikan ayam secara umumnya bukan disebabkan kartel.

Beliau memaklumkan, jika dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia Tenggara, harga ayam di Malaysia dijual pada harga lebih rendah.

Beliau bagaimanapun tidak menolak wujud kenaikan harga yang ketara sejak kebelakangan ini.

"Insya-Allah kerajaan akan mengambil pendekatan yang berbagai-bagai. Kita tahu sebelum ini kita beri skim subsidi kepada makanan ayam.

"Kita tengok baru-baru ini harga gaji minimum telah dinaikkan kepada RM1,500 jadi ia akan seimbang dan Insya-Allah kerajaan akan tengok perkara ini supaya kenaikan harga barang ini seimbang dengan pendapatan yang diperolehi oleh penduduk di negara kita," katanya. – [UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

'Jangan ambil kesempatan kesusahan orang ramai'



NIK Muhammad Zawawi Salleh melawat bazar pada Majlis Perasmian Program My Best Buy Aidilfitri 2022 di Wisma Tani, Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Golongan peniaga disaran menerapkan jalinan persahabatan dan tanggungjawab dalam membantu rakyat yang tidak berkemampuan terutama menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, golongan peniaga tidak boleh mengambil kesempatan daripada kesusahan orang ramai sebaliknya, cuba menolong mereka supaya semua pihak dapat menyambut hari lebaran semeriah mungkin.

"Kalau MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) sebelum ini ada Bakul MAFI Prihatin, jadi kali ini bila dekat dengan hari raya, (kita anjurkan My Best Buy) satu jualan yang memberi peluang kepada semua golongan sama ada berpendapatan rendah, dia akan dapat memiliki barangan untuk menyambut hari raya.

"Kita doakan jalinan persahabatan dan tanggungjawab ini diambil oleh semua pihak bukan sahaja MAFI tetapi juga mana-mana peniaga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program My Best Buy di Wisma Tani, di sini hari ini.

Program My Best Buy yang berlangsung bermula 25 hingga 27 April di pekarangan Wisma Tani itu menyaksikan penjualan barangan pada harga yang lebih murah.

Nik Muhammad Zawawi berkata, sambutan jualan tersebut dilihat sangat baik dengan penawaran pelbagai barangan yang menarik untuk para pengunjung.

"Jualan ayam sebagai contoh daripada RM23 satu beg iaitu dua kilogram (kg), hari ini kita jual harga RM15 untuk dua kg. Kemudiannya kami bagi bawcher RM5 maknanya harga ayam menjadi RM10 pada hari ini. Sememangnya jualan tadi tak sampai satu minit habis belaka, berebut-rebutlah," katanya.

Beliau menambah, jualan itu turut mengetengahkan aspek kesegaran barangan seperti sayuran, buah-buahan serta barang basah seperti daging, ayam, ikan, sotong dan udang.

"Kita ada juga barang-barang yang dikeluarkan oleh MAFI seperti sambal daging dan peralatan masakan yang segera. Pelbagai jenis barang dijual, Alhamdulillah sambutan adalah sangat baik," katanya.

Ditanya tentang sasaran MAFI untuk program tersebut, beliau berkata, pihaknya menumpukan jualan itu kepada warga Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan juga warga kementerianannya.

"(Ini juga khas untuk warga MAFI kerana) Mereka bertungkus-lumus sebelum ini untuk memberi jaminan makanan kepada negara dan rakyat seluruh negara. Jadi kita hadiahkan kepada mereka jualan yang sangat istimewa," katanya.

副農長：人民勿太驚慌

政府會嚴控雞價

（布城26日讯）农业及食物工业部副部长拿督莫哈末扎瓦威表示，人民无需为肉鸡价格上涨的问题太过惊慌，政府将会采取相应的行动。

“我还无法透露相关行动的详情。”

他今日为本月25日起至27日一连3天在布城农业部外举办的“My Best Buy”活动主持开幕后，受询及政府要如何应对媒体最近报道关于肉鸡垄断（Kartel Ayam）的问题时，这么表示。

马肉鸡价东南亚最低

他表示，在东南亚国家当中，我国的肉鸡价格是最低的，因为政府有给予津贴，这也是进口肉鸡不这么畅销的原因。

“邻国的肉鸡价格都比我国的高，不过与之前的价格相比，目前的价格是比之前高的。对此政府将会采取各种措施。”

他指出，其中政府就制定1500令吉最低薪资制，而政府将观察，物品价格的调涨与人民的收入是否平衡。

对于“My Best Buy”活动，莫哈末扎瓦威说，有关活动售卖的各种



扎瓦威（右二）在My Best Buy活动上示范煮椰子软糕（Dodol）。左起是卡马巴林及戴斯达法。右为巴哈青丁希山。（蔡伟传摄）

物品，包括肉类、海鲜和水果都非常新鲜，而2公斤肉鸡原价为23令吉，在该活动上只售卖15令吉。

促商家勿趁佳节涨价

同时他也发放了限量的折扣券，让在场的20位幸运人士能够以10令吉价格就购买到上述2公斤肉鸡。

他说，类似销售的目标是散发爱心，因为商家要回本有一些困难，而这

个活动能够帮助到大家，特别是低收入群体能够以便宜的价格购买到开斋节的过节物品。

他也促请商家不要趁佳节期间调涨物价。

出席者包括农业部副秘书长拿督哈鲁丁希山、食品及农基工业组秘书卡马巴林和联邦农业销售局（FAMA）副主任戴斯达法。

Selangor widens rabies surveillance

➤ Vet dept on the lookout for dog showing signs of aggression and illness following death of man

■ BY IMAN MUTTAQIN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Selangor Veterinary Services Department has expanded its rabies surveillance from a 1km radius to 10km, to collect brain samples from stray dogs after two cases were detected in the state. The expanded areas involve the Hulu Langat, Sepang, Kuala Lumpur and Putrajaya districts.

Its director, Dr Hassuzana Khalil said so far, results from the brain samples that were sent to the Veterinary Research Institute in Ipoh returned negative. She said investigations started within a 1km radius following the death of a man who was bitten by a rabid dog in the Petaling district.

"The victim died two months later after he was bitten. The department is querying his relatives and friends to ascertain if they had seen the dog that had bitten him.

"We are receiving assistance from the local authorities such as the Sepang and Kuala Langat Municipal Councils in this operation," she told *theSun*.

Hassuzana said cooperation from residents is critical as the information provided can assist department personnel to identify dogs that show signs of aggression or illness. This will enable the department to capture the dogs for immediate diagnosis.

She also cautioned residents who neglected their pets. She said such an attitude must change as animal faeces in public places contributes to environmental pollution, nuisance and the spread of diseases. Residents are advised to spay their pets to control the animal population.

"Rabies is a zoonotic disease and is fatal since there is no specific treatment for it," Hassuzana said, adding that eliminating rabid

animals is an important task carried out by the authorities.

"Early diagnosis, prompt action to eliminate rabid animals and disposal of their carcasses are important measures that can be carried out to control the spread of the disease.

"However, the department always follows recommended animal disposal procedures so that animals can be euthanised humanely."

The department also affirmed that it does not intend to vaccinate stray dogs because no dog has been confirmed positive for rabies. However, Hassuzana advised pet owners to vaccinate their dogs against rabies at any veterinary clinic.

She urged residents not to panic because the reported case is isolated and to date, no other dog-bite cases have been reported.

"The department will continue to conduct campaigns to increase awareness and understanding among residents about rabies so that they will be more careful and vigilant, especially in plantations, abandoned buildings

and housing areas.

"The department also advised Selangor residents not to provoke dogs or cats because these animals tend to bite to defend themselves," she said.

Universiti Putra Malaysia Faculty of Veterinary Medicine Prof Dr Siti Suri Arshad said the public should be on high alert for rabid animals as the fatality rate once bitten is almost 100% in humans and animals.

She said rabies remains a global threat, killing approximately 59,000 people annually.

"Rabies is a virus that attacks the central nervous system. An infected person who is not treated before symptoms appear could die from the disease," she said, adding that rabies has the highest mortality rate compared with other diseases.

Siti Suri said while people usually get rabies from the bite of a rabid animal, non-bite exposures are also possible when scratches, abrasions or open wounds are exposed to saliva or the nervous system of a rabid animal.



27 APR, 2022

Govt to impose strict control on chicken prices

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 1 of 2

副農長：人民勿太驚慌 政府會嚴控雞價



托瓦威
(右二)在
My Best Buy
活动上示范烹
煮椰子软糕
(Dodol)
左起是卡马巴
林及慕斯达
法 右一为巴
哈鲁丁希山
(蔡伟传摄)

(布城26日讯)农业及食物工业部副部长拿督莫哈末扎瓦威表示，人民无需为肉鸡价格上涨的问题太过惊慌，政府将会采取相应的行动。

“我还无法透露相关行动的详情。”

他今日为本月25日起至27日一连3天在布城农业部外举办的“My Best Buy”活动主持开幕后，受询及政府要如何应对媒体最近报道关于肉鸡垄断(Kartel Ayam)的问题时，这么表示。

马肉鸡价东南亚最低

他表示，在东南亚国家当中，我国的肉鸡价格是最低的，因为政府有给予津贴，这也是进口肉鸡不这么畅销的原因。“邻国的肉鸡价格都比我国的高，不过与之前的价格相比，目前的价格是比之前高的。”对此政府将会采取各种措施。

他指出，其中政府就制定1500令吉最低薪资制，而

政府将观察，物品价格的调整与人民的收入是否平衡。

对于“My Best Buy”活动，莫哈末扎瓦威说，有关活动售卖的各种物品，包括肉类、海鲜和水果都非常新鲜，而2公斤肉鸡原价为23令吉，在该活动上只售15令吉。

促商家勿趁佳节涨价

同时他也发放了限量的折扣券，让在场的20位幸运人士能够以10令吉价格就购买到上述2公斤肉鸡。

他说，类似销售的目标是散发爱心，因为商家要回本有一些困难，而这个活动能够帮助到大家，特别是低收入群体能够以便宜的价格购买到开斋节的过节物品。他也促请商家不要趁佳节期间涨价。

出席者包括农业部副秘书长拿督巴哈鲁丁希山、食品及农基工业组秘书卡马巴林和联邦农业销售局(FAMA)副主任慕斯达法。



27 APR, 2022

Govt to impose strict control on chicken prices

Sin Chew Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

(布城26日讯) 农业及食物工业部副部长拿督聂莫

哈末扎瓦威表示, 人民无需为肉鸡价格上涨的问题太过惊慌, 政府将会采取相应的行动。“我还无法透露相关行动的详情。”他今日为本月25日起至27日一连3天在布城农业部外举办的“My Best

Buy”活动主持开幕后, 受询及政府要如何应对媒体最近报道关于肉鸡垄断 (Kartel

Ayam)的问题时, 这么表示。马肉鸡价东南亚最低他表示, 在东南亚国家-当中, 我国的

Importance of having control over seeds

SEEDS are our first link to the food chain. Throughout history, regular exchange of seeds among communities and farmers allowed crops to adapt to different conditions and climates, and soils, pests and diseases.

But industrial agriculture and its push for commercial seed production is now threatening to erode not only the diversity of seeds but also farmers' seed systems (the means through which farmers get good quality seed of new crop varieties they want and need).

"Because seeds are so central to people's cultures and food systems, to control seeds is to control life," said Michael Fakhri, special rapporteur on the right to food in his latest report to the UN Human Rights Council.

The report states that since humankind relies on plants for food, feed, fibre and a functional ecosystem, nothing less than the right to life is at stake when farmers' seed systems are challenged or poorly supported.

It is thus very important for us to maintain control of our seeds and keep them away from the clutches of huge corporations.

Seed laws and plant variety rights are being constantly revised to adapt to the demands of the seed and biotechnology industries.

The ultimate aim of business interests is to make it impossible for farmers to freely save, replant, exchange and sell seeds, thus making them dependent on



commercially-produced seeds.

For example, Kenya recently introduced a law restricting the informal distribution of seeds (such as farmers exchanging seeds) in a bid to ensure that all seeds sold or distributed in the country are certified.

Farmers in Kenya say the law is now forcing them to purchase costly hybrid seeds, as they would need to go through a rigorous and costly certification process to legally share other seeds.

This may very well happen in Malaysia if it signs on to the International Convention for the Protection of New Varieties of Plants (commonly known as UPOV91).

UPOV91 would impose some

restrictions on the use of farm-saved seeds, propagating of PVP (plant variety protected) seeds, and exchange and sale of these materials by farmers.

In Honduras, ANAFAE (National Association for the Promotion of Organic Farming), a group that has been advocating organic farming and food sovereignty, has fought to declare as unconstitutional the Law for Protection of Plant Varieties since it was passed in 2012. In 2021, the Honduran Supreme Court of Justice declared the PVP law as unconstitutional, stating among others that it represents an attack on the country's sovereignty and right to self-determination besides violating constitutional principles for life, human

dignity, and the rights of the Honduran people.

For now, due to efforts by civil society organisations, we have been able to stymie the progress of Malaysia in joining UPOV91 and also the growing of genetically-modified crops in the country.

Nevertheless, the pressure is mounting, including a Plant Seed Quality Bill being proposed for tabling in Parliament.

Quality seeds are important to farmers and consumers. However, the Plant Seed Quality Bill may have a far-reaching impact beyond "seed quality" control by impinging on the farmers' seeds system while supporting commercial seed producers.

CAP (Consumers Association of Penang) has been promoting agro-ecology, urban farming and seed-sharing through events held on occasions such as International Seeds Day (April 26), which is dedicated to promoting patent-free seeds, biodiversity, and farmers' rights.

CAP has established a community seed bank with a collection of local herbs and vegetables that are organically grown. They are available to the public and can be exchanged and propagated freely.

We must maintain control of our seeds, our natural heritage.

MOHIDEEN ABDUL KADER
President
Consumers Association of
Penang

27/4/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

12

327 nelayan syukur terima insentif sara hidup RM250

Masjid Tanah: Ibarat menerima 'duit raya' apabila seramai 327 nelayan daerah Alor Gajah menerima insentif sara hidup berjumlah RM250.

Sumbangan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan itu membuat mereka membuat persiapan menyambut Aidilfitri, apatah lagi dalam keadaan hasil tangkapan semakin berkurangan sejak sebulan lalu.

Sumbangan disampaikan Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri, Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahmah dan Exco Perindustrian Pelaburan dan Pemba-

ngunan Usahawan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Bidara, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di dewan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan DUN (Japerun) Tanjung Bidara di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan yang baharu Mohd Sufian Sulaiman dan Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Salehon.

Insentif bernilai RM1,000 setiap nelayan itu diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali ketika membentangkan Bajet 2022 pada November lalu.

Pembayaran RM250 se-

malam kali kedua selepas kali pertama pada Januari lalu manakala yang ketiga dan keempat sebelum Oktober depan.

Nelayan, Zakaria Hamzah, 68, berkata, wang itu sedikit sebanyak membantu membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

"Sekarang daging mahal, RM35 sekilogram dan dengan adanya duit itu, dapat saya beli daging dan ayam untuk Aidilfitri," katanya.

Abdul Latif Gedik, 72, berkata, sejak sebulan lalu hasil tangkapan merosot berikutan perubahan Monsun Timor Laut ke Monsun Barat Daya yang menyebabkan nya terpaksa menggunakan



ABDUL RAZAK (dua dari kiri) menyampaikan insentif sara hidup kepada nelayan di Japerun Tanjung Bidara, Masjid Tanah. - Gambar NSTP/HASSAN OMAR

wang simpanan. "Alhamdulillah, wang saya terima akan digunakan sebaik mungkin untuk belanja menjelang Aidilfitri," katanya.

Mohd Shukri Roslan, 31,

berkata, walaupun tidak banyak, wang itu meringankan bebannya membuat persiapan menyambut Aidilfitri dengan tumpuan utama diberikan untuk membeli daging dan ayam. Mohd Ali Abu Bakar, 54, berkata, sumbangan itu mencerikannya kerana sejak dua minggu lalu hasil tangkapan ikan menurun, sekali gus menyebabkan poketnya semakin Kempis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Barang keperluan cukup ketika Aidilfitri [METROTV]



Nilai: Bekalan keperluan harian termasuk ayam segar dan telur ayam dijamin mencukupi dan tidak akan menghadapi masalah walaupun selepas musim perayaan Aidilfitri.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kementerian sudah mengadakan perbincangan dengan

pelbagai agensi lain termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan beberapa pengeluar ayam yang memberi jaminan bekalan mencukupi.

"Kita mengadakan rundingan dengan beberapa agensi termasuk pengeluar ayam yang menternak dalam skala besar, mereka memberi jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi untuk Aidilfitri dan selepas itu.

"Setakat ini kita tidak menerima sebarang aduan berkaitan kekurangan bekalan ayam dan telur, jadi saya harap bekalannya kekal ada," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mengadakan tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) dan Melancarkan Program Jualan Malaysia 2022 Rancak Aidilfitri di sini, hari ini.

Turut sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Mohd Yusof; Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Roziah Abudin dan Pengerusi Aeon Malaysia, Datuk Iskandar Sarudin.

Alexander berkata, kerajaan menetapkan tempoh tertentu bagi pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa bagi memberi keadilan kepada pengguna dan peniaga.

"Kita tidak boleh berterusan sepanjang masa melaksanakan SHMMP ini kerana itu tidak adil kepada peniaga.



ALEXANDER (tiga dari kiri) ketika meninjau harga telur ayam pada Majlis Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan. FOTO Azrul Edham.

"Jadi, kita letakkan satu skim harga munasabah, pada masa yang sesuai dan berharap peniaga mematuhi peraturan serta tidak menjual barangan keperluan asas pada harga tinggi atau mengambil untung berlebihan.

"Lazimnya akan ada naik sedikit (harga barangan) sebaik skim ini berakhir," katanya.

Mengenai isu kartel membabitkan penternakan ayam yang didakwa membabitkan campur tangan politik, beliau berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat mengenainya.

Menurutnya, siasatan itu perlu dilakukan secara teliti dan menyeluruh sebelum mengambil sebarang tindakan lanjut.

"Tidak boleh terlalu cepat mengatakan ada kartel, mungkin ada, saya tidak menafikan, juga belum pasti lagi.

"Saya tidak menafikan dan tidak akan berkompromi dalam hal ini, isu kartel ini bukan perkara mudah tunggu siasatan daripada MyCC.

"Setakat ini kita belum dapat mengesahkannya lagi kerana siasatan masih berjalan termasuk bekerjasama dengan pihak polis," katanya.

Barangan asas dijamin mencukupi

KPDNHEP yakin keperluan asas tidak terjejas sehingga selepas hari raya

Oleh Mohd Avin Jafri
bhnews@bh.com.my

Nilai: Bekalan keperluan harian termasuk ayam segar dan telur ayam dijamin mencukupi walaupun selepas musim perayaan Aidilfitri, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, kementerian sudah berbincang dengan pelbagai agensi lain termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAM) dan beberapa pengeluar ayam yang memberi jaminan bekalan mencukupi.

"Kita mengadakan konsultasi dengan beberapa agensi termasuk pengeluar ayam yang menternak dalam skala besar, mereka mem-

beri jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi untuk Aidilfitri dan hingga selepas hari raya.

"Setakat ini kita tidak terima aduan berkaitan kekurangan bekalan ayam dan telur. Saya berharap barang ini akan terus kekal bukan saja untuk Aidilfitri tidak beberapa hari lagi, malah hingga selepas Aidilfitri," katanya selepas buat tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) dan Melancarkan Program Jualan Malaysia 2022 Rancak Aidilfitri di Aeon Mall, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Mohd Yusof; Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Roziah Abudin dan Pengerusi Aeon Malaysia, Datuk Iskandar Sarudin.

Alexander berkata, kerajaan sudah menetapkan 28 jenis barangan dalam senarai SHMMP Hari Raya Puasa (HRP) 2022 bermula 26 April hingga 6 Mei ini.

"Kita tidak boleh berterusan sepanjang masa melaksanakan SHMMP ini kerana itu tidak adil



Alexander membuat tinjauan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan dan Melancarkan Program Jualan Malaysia 2022 Rancak Aidilfitri di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Azrul Edham/BH)

kepada peniaga kerana tanpa peniaga di mana kita hendak dapatkan barangan.

"Oleh itu, kita letakkan satu skim harga yang munasabah pada masa yang sesuai dan berharap peniaga mematuhi peraturan serta tidak menjual bara-

ngan keperluan asas pada harga tinggi atau mengambil untung berlebihan.

"Lazimnya akan ada naik sedikit (harga barangan) sebaik skim ini berakhir," katanya.

Sementara itu di Shah Alam, BERNAMA melaporkan Kement-

terian Wilayah Persekutuan (KWP) menghantar bekalan telur ayam dan minyak masak ke Labuan secara berperingkat bagi mengatasi masalah kekurangan barangan itu menjelang Aidilfitri ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shaidan Kassim, berkata 1.25 juta telur ayam dan 42,500 paket minyak masak dihantar menerusi lima penerbangan ihsan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bermula hari ini dan dijangka selesai sebelum Aidilfitri.

Barangan berkenaan akan dijual pada harga subsidi menerusi pemborong yang dilantik dan diuruskan Perbadanan Labuan di lokasi yang ditetapkan.

"Telur gred C yang dijual pada harga pasaran RM13.20 sepapan, akan dijual dengan harga RM10 selepas disubsidi, manakala minyak masak RM2.50 sepaket dijual pada harga RM2.

"Selain masalah kekurangan bekalan, barangan ini juga dijual pada harga yang lebih tinggi di Labuan susulan isu logistik... jalinan ini diharapkan dapat mengurangkan beban rakyat," katanya di Pangkalan Udara Sultan, di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Cadangan selesai isu kartel, stabilkan harga ayam

Wujudkan lembaga unggas

Oleh **FAHMI FAIZ**
fahmi.faiz@mediamuka.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan dedesak mewujudkan sebuah lembaga khas bagi mengawal dan menyelia industri unggas di negara ini jika mahu isu penguasaan kartel dalam perusahaan terse-

but diselesaikan.

Penubuhan badan dengan melibatkan pelbagai kementerian dalam sektor makanan negara itu penting supaya langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi menstabilkan harga ayam dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kerajaan sebelum ini telah menyuntik subsidi berjumlah RM528.52 juta untuk menstabilkan harga ayam, namun usaha tersebut masih gagal menurunkan harga di pasaran, sebaliknya penternak dan pembekal terus bermain dengan isu lain berkaitan kos ternakan yang di-

katakan meningkat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Nafas Food Processing and Marketing Sdn. Bhd., Shafiqurrahman Shamsuddin berkata, langkah mewujudkan sebuah lembaga perlu supaya industri tersebut dapat dipantau secara berintegrasi.

"Ketiadaan sebarang lembaga bagi menyelia industri bernilai RM10 bilion setahun itu mengakibatkan kerajaan terpaksa berdepan masalah kenaikan harga yang tidak selesai," katanya di sini, semalam.

Bersambung di muka 4

27/4/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

4



ALEXANDER Nanta Linggi melihat harga ayam yang ditawarkan ketika program walkabout Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2022 di AEON Mall, Nilai, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Wujudkan lembaga unggas

Dari muka 1

Akhir ini kelmarin melaporkan tentang wujudnya kartel ayam yang bermaharajalela mengawal industri itu lebih-lebih lagi dengan adanya campur tangan politik.

Shafiqurrahman berkata, ketiadaan satu badan khas untuk mengawal selia industri ternakan menyebabkan beberapa polisi yang diambil kerajaan masih tidak berjaya mengawal harga ternakan di pasaran.

"Sejak Januari hingga Mac lalu, kerajaan melaksanakan tiga polisi untuk kawal harga ayam. Pertama, pada Januari kerajaan mengeluarkan kelulusan import (AP) kepada 32 syarikat untuk bawa masuk ayam sejuk beku namun malangnya ia tak dapat turunkan harga ayam.

"Pada Februari kerajaan mengeluarkan pula empat AP import kepada empat pasar raya hesar, dan menyalurkan subsidi 60 sen sekilo kepada penternak. Sekali lagi, ia turut menemui kegagalan untuk menurunkan harga ayam.

Katanya, setiap hari negara memerlukan 2.2 juta ekor ayam dan ketiadaan lembaga khusus mengakibatkan beberapa syarikat besar 'berkuasa' menentukan jumlah anak ayam yang mahu dikeluarkan tanpa dipantau dan diaudit kerajaan.

"Oleh sebab tiada lembaga yang kawal selia industri, maka syarikat-syarikat pengeluar anak ayam 'berkuasa' menentukan berapa anak ayam yang mahu dikeluarkan. Jika terlebih-lebih, mereka akan bakar anak ayam supaya kurang bekalan dan harga sentiasa kompetitif

bagi mereka.

Menurutnya, oleh kerana tiada sebarang sistem rekod untuk kerajaan menyemak pengeluaran anak ayam baka, hal itu mendorong berlakunya keputusan bekalan yang tidak dapat diselia secara berpusat oleh kerajaan.

Jika diwujudkan, lembaga itu juga akan turut memantau ternakan itik dan burung puyuh.

Sementara itu, Pengerusi Koperasi Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR) Nordin Mat berkata, kewujudan lembaga khas dapat menghapuskan amalan 'kroni' dalam kalangan penternak dan peniaga.

"Wajib diadakan lembaga ini untuk memantau kartel yang suka hati meletak harga anak ayam," katanya.

Dalam pada itu, Pertubuhan Gerak Tani Malaysia meminta kerajaan tidak tunduk kepada kartel sehingga menyebabkan harga ayam dinaikkan begitu sahaja tanpa berdepan dengan sebarang tindakan.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman menyifatkan, kartel t memonopoli pasaran kerana tiada pelan khusus dalam memastikan tidak ada pihak yang boleh menguasai pasaran sehingga menjejaskan harga dan pesaing lain.

"Dasar keselamatan makanan negara telah sedia ada dan dipinda dari masa ke semasa namun mekanismenya begitu lemah," katanya.

Namun, katanya, penguasaan kartel boleh diatasi dengan memperluaskan peranan syarikat milik kerajaan (GLC) dan sebuah lembaga khas.

"FGV, Pertubuhan Peladang

Kebangsaan (Nafas), Petronas dan lain-lain yang mempunyai modal besar mesti terlibat membina kilang makanan ternakan bagi mengelakkan kebergantungan import," katanya.

Pada masa sama, beliau juga meminta peranan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dikaji semula kerana dianggap tidak mampu menangani industri ayam dan ruminan yang saiznya begitu besar.

"Struktur jabatan harus diperkasa kepada agensi yang besar dan peranan atau kebertanggungjawaban yang selaras dengan kepentingan industri ayam dan ruminan," katanya.

Sementara itu di SEREMBAN, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan campur tangan politik dalam isu dominasi kartel terhadap industri ternakan ayam.

Menurutnya, siasatan yang dimulakan sejak beberapa bulan lalu itu turut melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Ini bukan perkara mudah untuk disiasat, mesti diteliti secara terperinci barulah kita boleh pastikan.

"Tidak boleh terlalu cepat mengatakan ada kartel, mungkin ada, saya tidak menafikannya tetapi lebih elok, kita tunggu laporan MyCC nanti," katanya kepada pemberita selepas program walkabout dan Pelancaran Program Jualan Malaysia Rancak Aidilfitri di AEON Mall, Nilai semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



Minda Pengarang

MEOR HARMAN MEOR SHAKRI

Tubuh lembaga kawal industri ayam

ISU harga dan bekalan ayam sudah terlalu lama berkisar tanpa ada jalan penyelesaian jangka panjang. Pelan yang diketengahkan kebanyakannya bersifat jangka pendek, malah pada masa yang sama kerajaan terpaksa memberikan sejumlah subsidi untuk mengawal permainan harga.

Selepas perayaan, isi ini 'berehat' seketika sebelum kembali hangat. Jika diteliti, isu harga dan bekalan ayam ibarat roda masa yang sentiasa berputar. Isunya sama saban tahun.

Apabila ada pihak yang mendakwa wujud kartel dalam industri ternakan unggas mengawal keseluruhan aliran dari awal sampai akhir, maka sudah tiba masanya kerajaan menubuhkan sebuah lembaga yang berfungsi seperti kawal selia terhadap industri sawit dan perikanan.

Langkah ini perlu bagi memastikan industri ternakan unggas di negara ini tidak dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan berlipat-ganda, ditambah pula dakwaan wujudnya campur tangan politik yang menyebabkan pelakunya terus hermaharajalela.

Bayangkan betapa besar saiz perniagaan yang dijana kartel-kartel terbabit.

Memetik sumber seperti dilaporkan akhbar ini, kartel berkenaan menguasai pasaran harian berjumlah 1.5 juta ekor ayam, iaitu 70 peratus daripada keseluruhan 2.2 juta ekor ternakan itu yang dijual di seluruh negara setiap hari.

Malah, dikatakan wujud lima kartel yang berselindung di sebalik sebuah persatuan yang mengawal hampir keseluruhan rantaian industri ayam negara sejak puluhan tahun lalu yang bernilai RM10 bilion setahun.

Kerajaan perlu cepat bertindak dan menyiasat dakwaan tentang wujudnya kartel yang menguasai industri ternakan ayam kerana isu berkenaan melibatkan kepentingan rakyat.

Sekali-sekala kita perlu menjengah cara Indonesia menguruskan industri ternakan unggas di negara itu sehingga menjadi antara negara pengeksporth terbesar bekalan ayam di rantau ini.

Dalam satu temu bual dengan sebuah portal berita tempatan, Kementerian Pertanian Indonesia dipetik sebagai berkata, eksport produk unggas negara itu mencapai 258.85 tan atau naik 12.98 peratus dari Januari hingga Mei 2021.

Peningkatan volum eksport unggas Indonesia sepanjang tempoh itu mencatat nilai dagangan kira-kira AS\$885,000 pada tahun 2021 berbanding kira-kira AS\$841,000 tahun sebelumnya.

Indonesia merupakan pengeksporth daging dan telur ayam ke Jepun, Qatar, Timor Leste dan Myanmar manakala dilaporkan juga mendapat akses ke Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Sedangkan negara kita isu ayam masih bermundar-mandir dengan isu sama berulang setiap tahun selagi kartel-kartel yang didakwa memonopoli industri ini dibiarkan terus beroperasi.

Sudah sampai masanya kerajaan mengambil tindakan lebih tegas agar isu ayam tidak lagi menjadi isu yang berpanjangan.

Meor Harman Meor Shakri ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia.

Siasat dakwaan campur tangan politik

-Hasil laporan isu kartel ayam akan dikemuka MyCCC

Oleh SYAMLAH ZULKIFLI

KUANTAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang meniasat dakwaan wujudnya campur tangan politik dalam melindungi kartel ayam hingga menyebabkan berlakunya kenaikan dalam harga bahan mentah itu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bersama agensi terlibat sudah menjalankan siasatan sejak beberapa bulan lalu dan perlu diteliti dengan lebih terperinci.

"Buat masa ini yang dikata-



Alexander menunjukkan ayam yang dijual di sebuah pasar raya di Nilai.

kan penglibatan ahli politik itu kita hanya baca dalam surat khabar, tapi yang pentingnya MyCC sedang jalankan siasatan. Ini bukan perkara mudah dan tak boleh terlalu cepat mengatakan ada kartel.

"Tapi saya tak nafikan dan tak

juga mengesahkan ada, elok tunggu laporan MyCC," katanya pada sidang media selepas majlis Pelancaran Program Jualan Malaysia Rancak Aidilfitri dan *Walkabout* Sempena Penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

Aidilfitri 2022 di sebuah pasar raya di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian mengulas laporan media yang mendakwa campur tangan politik sejak sekian lama dalam isu membabitkan dominasi kartel terhadap industri penternakan ayam

di seluruh negara menyebabkan pihak terbabit terus bermaharajalela.

Ujar Alexander, KPDNHEP bersama agensi lain memberi kerjasama penuh bagi membantu siasatan.

"KPDNHEP sememangnya ada peranan dalam itu kerana kita Kementerian yang mengawal harga barang. Kita bersama agensi lain akan lakukan yang sepatutnya," katanya.

Selain itu katanya, KPDNHEP tidak menerima sebarang aduan bekalan ayam tidak mencukupi menjelang Aidilfitri ini namun pemantauan sentiasa dilakukan.

Bercakap mengenai program skim kawalan harga barang yang hanya pada musim perayaan, Alexander berkata, kerajaan bukan saja melindungi pengguna, tetapi juga peniaga.

"Kita bukanlah memihak kepada sesiapa, tapi perlulah adil kepada semua. Kalau peniaga terjejas akan timbulkan masalah lain pula," katanya.

Penternak jamin bekalan ayam masih mencukupi menjelang Aidilfitri

SHAH ALAM - Bekalan ayam ketika ini masih lagi mencukupi untuk permintaan tempatan, terutama menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Presiden Persekutuan Persatuan Penternak-penternak Malaysia (FLFAM), Tan Chee Hee berkata, sekiranya terdapat isu kekurangan bekalan, ia mungkin kes terpercil sahaja.

Ujarnya, kenaikan harga ayam secara mendadak tidak akan berlaku sewaktu musim perayaan Aidilfitri ini kerana ia dikawal oleh kerajaan.

Beliau menambah, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung dakwaan harga ayam yang melampau di Kelantan.

"Jika perkara ini berlaku, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah tentu akan membuat siasatan tersebut," katanya.

Ditanya mengenai punca kenaikan harga ayam, beliau menjelaskan, ia berpunca daripada

Jika perkara ini berlaku, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah tentu akan membuat siasatan tersebut."

kenaikan harga bahan mentah utama makanan ternakan seperti jagung bijirin dan kacang soya.

Katanya, kenaikan harga bahan mentah tersebut semakin meningkat sejak perang Ukraine pada 24 Februari lalu.

"Misalnya harga jagung bijirin ialah RM1,900 satu tan metrik, berbanding sebelum perang, RM1,500 sahaja.

"Manakala harga kacang soya pula melonjak ke RM2,950 satu tan metrik, berbanding RM2,200, sebelum ini," katanya.



TAN CHEE HEE

Peniaga merungut bekalan ayam dicatu

KUANTAN - Peniaga ayam segar di daerah ini mengeluh apabila bekalan ayam di pasaran terpaksa dicatu atas alasan pembekal bimbang bahan mentah itu tidak mencukupi menjelang musim perayaan minggu depan.

Seorang peniaga Azizah Omar, 34, mengakui berdepan dengan kekurangan bekalan ayam mentah sejak Ahad lalu sehingga tidak mampu menampung pembelian pengguna biarpun dalam keadaan terpaksa mematuhi harga siling ayam RM8.90 sekilogram.

"Kalau sebelum ini saya boleh menjual 300 hingga 400 ekor ayam setiap hari, tapi sejak tiga hari lalu saya hanya mendapat bekalan separuh daripada tempahan yang biasa diterima.

"Bila saya dan peniaga lain bertanya kenapa bekalan ayam dicatu, pembekal memaklumkan bimbang bekalan bahan mentah itu tidak mencukupi pada Aidilfitri ini.

"Jadi, pembekal terpaksa menhadkan tempahan daripada peruncit kerana di peringkat pengeluaran sudah menetapkan kuota tertentu," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Kuantan.

Dia yang lebih 16 tahun menjadi peniaga ayam berkata, ke-



Razali memotong ayam yang ditempah pelanggan di gerai miliknya.

adaan lebih menyedihkan kerana lebih kurang jam 10 pagi serpuai ayam jualan telah habis dijual berbanding sebelum ini kira-kira jam 12 tengah hari.

"Namun kerana bekalan ayam yang kita dapat kurang dari jumlah sebelum ini, jadi pengguna terpaksa pulang dengan hampa," katanya.

Seorang lagi peniaga ayam, Razali Elyas, 60, juga mengalami nasib sama mengakui terkesan dengan masalah kekurangan bekalan ayam sehingga menjejaskan hasil perniagaannya.

"Setakat ini, kami peniaga

ayam di Kuantan menjual ayam pada harga kawalan iaitu RM8.90 sekilogram, manakala ayam yang siap dipotong pula sebanyak RM9.60 sekilogram," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Harun Mat, 48, berkata, isu bekalan ayam yang berkurangan telah memaksanya mencari lebih ramai pembekal bagi memenuhi permintaan.

Ujar Harun, kebiasaannya setiap peniaga akan mengambil bekalan daripada pembekal yang sama, namun keadaan tersebut berubah selepas berulang kali mengalami masalah bekalan.